

28/06/2001

Boleh labur, ditegah kuasai (HL)

Kadir Dikoh; Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Rabu - Malaysia tidak akan membenarkan mana-mana firma gergasi asing untuk menguasai syarikat tempatan atas nama globalisasi, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menegaskan, kerajaan tetap mengalu-alukan kedatangan pelabur asing, terutama pelaburan langsung asing (FDI), malah turut memberi insentif. Bagaimanapun, mereka tidak seharusnya menguasai ekonomi negara.

"Sekarang lebih banyak syarikat datang... mereka datang sebagai entiti yang begitu besar selepas bergabung sesama sendiri. Mereka bukan saja ingin datang, malah mengambil alih industri kita.

"Mereka ini menjadi entiti yang sangat besar dalam semua bidang, datang untuk mengambil alih semuanya dan mendominasi ekonomi... inilah sesuatu yang kita tidak alu-alukan," katanya.

Beliau menegaskan demikian dalam sesi soal jawab selepas menyampaikan ucapatama pada Kongres Pembangunan Ekonomi Sedunia dan Forum Kepemimpinan Asia di sini, hari ini.

Turut menyampaikan ucapatama pada kongres anjuran Institut Strategik dan Kepimpinan Asia itu ialah bekas Perdana Menteri Britain, John Major, dan Presiden Filipina, Gloria Macapagal-Arroyo, yang berucap menerusi satelit dari Manila.

Dr Mahathir berkata, Malaysia mahu sesuatu industri sendiri yang menjadi kebanggaan negara seperti automatif yang berupaya mengeluarkan 250,000 kereta setahun.

Malaysia, katanya, tidak boleh membenarkan syarikat gergasi automatif dunia yang kini bilangannya cuma empat, tetapi menjadi syarikat gergasi selepas bergabung, bersaing dengan industri kereta tempatan yang masih kecil.

"Kita tidak boleh bersaing dengan mereka yang beroperasi di seluruh dunia. Sebaliknya, mereka beria-ia mahu datang ke sini dan bersaing dengan kita dan kemudian tidak ada perlindungan langsung untuk industri kecil kita.

"Inilah cabaran kita. Kemunculan syarikat gergasi yang membimbangkan kita. Kita mengalu-alukan kedatangan mereka, tapi tolonglah jangan mendominasi," katanya.

Beliau berkata, Malaysia mahukan kedatangan FDI dan sebelum ini memang banyak pelabur asing datang seperti dalam sektor industri elektronik yang mewujudkan banyak peluang pekerjaan sehingga anak tempatan belajar teknologi mereka.

Dalam bidang tertentu, anak tempatan juga mempunyai kecekapan seperti mengeluarkan tekstil dan produk pertanian yang lebih murah berbanding keluaran negara maju.

Bercakap pada sidang akhbar kemudian, Dr Mahathir berkata Malaysia bukan memainkan sentimen anti asing, tetapi cuma menyuarakan kebimbangan mengenai apa yang berlaku dalam proses globalisasi.

"Masih ramai orang asing melabur di negara ini. Inilah satu-satunya negara yang sebaik saja merdeka, membuka pintunya kepada asing. Anda (wartawan asing) boleh periksa sejarah.

"Orang lain, sebaik merdeka, akan cuba memiliknegerakan semua pegangan asing. Di Malaysia, kita tak buat macam itu, kita jemput mereka untuk datang dan masih berbuat demikian, malah memberi insentif," katanya.

(END)

